



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BILANGAN 3 TAHUN 2013**

CUTI MINGGUAN NEGERI JOHOR

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan menetapkan hari cuti mingguan bagi Negeri Johor bermula 1 Januari 2014.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah bertitah pada 23 November 2013 di Majlis Teriman sempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya hari cuti mingguan Negeri Johor ditukar kepada hari Jumaat dan Sabtu berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.
- 2.2. Berikutan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 27 November 2013 telah bersetuju supaya hari cuti mingguan Negeri Johor ditukar daripada hari Sabtu dan Ahad kepada hari Jumaat dan Sabtu berkuatkuasa pada 1 Januari 2014.

3. WAKTU BEKERJA

- 3.1. Selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010 "Penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat Bagi Semua Agensi Kerajaan Persekutuan di Negeri-Negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah Hari Jumaat", maka Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) bagi Agensi Kerajaan di Negeri Johor adalah seperti berikut:

3.1.1. Hari Ahad hingga Rabu - 7.30 pagi hingga 4.30 petang
8.00 pagi hingga 5.00 petang
8.30 pagi hingga 5.30 petang

3.1.2. Hari Khamis - 7.30 pagi hingga 3.00 petang
8.00 pagi hingga 3.30 petang
8.30 pagi hingga 4.00 petang

3.1.3. Waktu Rehat - 1.00 tengahari hingga 2.00 petang

4. GANTIAN HARI KELEPASAN

- 4.1. Apabila Hari Kelepasan jatuh pada Hari Kelepasan Mingguan (Jumaat) atau Hari Kelepasan yang lain, maka hari tersebut digantikan dengan hari bekerja berikutnya dan jika hari yang kemudiannya itu pula merupakan Hari Kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan.
- 4.2. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu ianya tidak diganti dengan hari berikutnya.


5. PEMAKAIAN

- 5.1. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Am ini, Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil.2./1993 "Perubahan Cuti Mingguan" adalah terbatal dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010 "Penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat Bagi Semua Agensi Kerajaan Persekutuan di Negeri-Negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah Hari Jumaat" adalah ditimbalguna pemakaiannya.
- 5.2. Pekeliling ini hendaklah diterima pemakaiannya oleh semua Jabatan Negeri, dan Persekutan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor.
- 5.3. Arahan tertentu waktu persekolahan akan dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan Johor.
- 5.4. Arahan tertentu waktu persekolahan bagi sekolah agama Negeri Johor akan dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Agama Johor.

6. TARIKH KUATKUASA

- 6.1. Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI OBET BIN TAWIL)
Setiausaha Kerajaan Johor

4 Disember 2013